

08 SEP 2000

FUJITSU-MSC/I

FUJITSU TEMPATKAN DUA SYARIKAT BERSTATUS MSC DI CYBERJAYA

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Fujitsu Limited, salah satu syarikat teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi terkemuka dunia, akan menempatkan dua syarikatnya yang berstatus MSC (Koridor Raya Multimedia) dalam satu bangunan di Cyberjaya awal tahun depan.

Bangunan yang kini dalam pembinaan itu, akan digunakan sebagai kawasan pembangunan dan penyelidikan kerajaan elektronik dan telekomunikasi, kata Pengerusi Tadashi Sekizawa kepada sidang media di Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Beliau berada di sini untuk menghadiri mesyuarat ke-4 Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang bermula semalam. Mesyuarat itu akan berakhir esok.

Fujitsu (Malaysia) Sdn Bhd yang berstatus MSC, merupakan anggota sebuah konsortium yang diberikan projek pengawasan sistem (PMS), salah satu daripada lima projek perintis di bawah aplikasi e-kerajaan MSC.

PMS adalah mekanisme baru bagi memantau pelaksanaan projek pembangunan di bawah pelan lima tahun Pembangunan Malaysia.

Sekizawa juga berkata Fujitsu turut berhasrat untuk membantu kerajaan dalam bidang prasarana rangkaian menerusi Fujitsu (Malaysia) dan Fujitsu Telecommunications Asia Sdn Bhd yang juga berstatus MSC.

Fujitsu Telecommunications Asia terlibat dalam perundingan telekomunikasi, pembangunan dan sokongan pelanggan bagi pasaran Malaysia dan seluruh Asia.

Sekizawa berkata pelaburan dan komitmen Fujitsu dalam MSC tidak terhad kepada e-kerajaan dan telekomunikasi sahaja kerana ia turut membantu meningkatkan tahap IT dan menambah bilangan pekerja mahir IT di negara ini.

Dengan kerjasama Universiti Multimedia, Fujitsu ada satu program di mana ia meminjamkan kakitangannya kepada universiti itu untuk mengajar kursus-kursus singkat dalam bidang teknologi telekomunikasi.

Bantuan Fujitsu kepada universiti itu adalah atas permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pertemuan mereka di mesyuarat IAP tahun lepas, katanya.

-- BERNAMA

MAD FR JR MA